

29 APR 1998

Wanita-Saham

KEMPEN AMANAH SAHAM WANITA BERMULA 9 MEI

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Wanita Umno akan mengadakan kempen besar-besaran bagi memperkenalkan dan menarik minat masyarakat untuk melabur dalam Amanah Saham Wanita (Asnita) selepas ia dilancarkan secara rasmi Mei ini.

Ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata kempen peringkat nasional akan berlangsung selama 21 hari bermula pada 9 Mei di Pulau Pinang.

"Kempen ini ialah untuk memperhebatkan promosi bagi menarik lebih banyak penyertaan pelaburan terutama dari kaum wanita, dan untuk ini, kita akan minta kerjasama dari Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk memberi sokongan kepada kempen kita ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pelaburan minimum bagi Asnita adalah RM100 yang mengandungi 200 unit dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Asnita turut menyediakan kemudahan pinjaman perniagaan kepada wanita, perlindungan insurans serta biasiswa kepada anak-anak pelabur.

Terdahulu, Siti Zaharah menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Hijrah Unit Trust Management Berhad iaitu sebuah syarikat yang menguruskan pelaburan Asnita dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Habib Jewels Sdn Bhd.

BSN dilantik sebagai agensi pusat pungutan di seluruh negara manakala Habib Jewels akan membantu bakal pelabur menjual atau menukarkan barang kemas mereka kepada bentuk wang bagi membeli unit-unit saham Asnita.

Menurut Siti Zaharah kempen juga akan diadakan di Selangor pada 10 Mei, Melaka pada 12 Mei, Terengganu (13 Mei), Sabah (16 Mei), Perak (19), Kedah (22 Mei) dan Johor (23 Mei).

Asnita akan dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mei ini di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Pengarah Urusan Habib Corporation, Meer Sadik Habib berkata syarikat itu akan melakukan penilaian dan menerima barang-barang kemas yang ingin dijual dan ditukarkan kepada unit saham Asnita.

Katanya syarikat itu menerima semua bentuk dan jenis barang kemas termasuk berlian dan batu permata untuk dinilai dan ianya ditentukan mengikut harga semasa.

Habib Jewels akan menyertai kempen ke negeri-negeri dan akan membuka kaunter di tempat berlangsungnya kempen sekiranya di kawasan itu tidak terdapat cawangan Habib Jewels, kata beliau.

--BERNAMA

WNZ MAI